

Akan dikenakan tindakan jika audit forensik mendapati ada salah lalai - PM

Kerajaan siasat Sapura Energy

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan akan mengambil tindakan sekiranya proses ketekunan wajar yang dilakukan mendapati wujud salah laku dalam Sapura Energy Berhad (SEB).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan memulakan

langkah dengan menjalankan audit forensik bagi mengenal pasti permasalahan sebenar syarikat itu sebelum membuat keputusan.

Katanya, kerajaan melantik syarikat Ernst&Young untuk menjalankan audit forensik dalam memastikan ketelusan dalam proses ini dan setiap sen yang diberikan akan dipantau.

“Sekiranya terdapat sebarang salah

laku atau penyalahgunaan kuasa, siasatan akan diteruskan tanpa kompromi.

“Kerajaan akan mengambil tindakan sekiranya proses ketekunan wajar (*due diligence*) yang dilakukan menemui salah laku dalam SEB.

Bersambung di muka 2

Kerajaan siasat Sapura Energy

Dari muka 1

“Saya sendiri tidak senang dengan cara kita menyelamatkan syarikat besar sedangkan puluhan ribu syarikat kecil sering terbiar tanpa pembelaan.

“Tetapi dalam kes ini, kita harus memahami bahawa suntikan dana ini bukan untuk menyelamatkan individu tertentu, sebaliknya bagi memastikan vendor yang telah bekerja mendapat bayaran mereka,” katanya ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di sini, semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, proses audit sememangnya telah dijalankan dan ketekunan wajar tambahan itu dilaksanakan sebagai prasyarat dalam memuktamadkan penstrukturan semula dan suntikan modal RM1.1 bilion.

Katanya, suntikan pelaburan sebanyak RM1.1 bilion kepada Sapura Energy Berhad (SEB)

bukan berbentuk dana hangus, sebaliknya pinjaman yang perlu dibayar semula syarikat itu.

Katanya, suntikan dana tersebut akan dijadikan modal pinjaman supaya pengurusan baharu akan menguruskan dengan lebih baik dan membayar semula pinjaman itu apabila mendapat keuntungan.

“Apakah dana ini dana hangus? Tidak. Apa yang dilakukan ialah suntikan ini akan dijadikan modal pinjaman supaya pengurusan baharu mudah-mudahan akan mengurus dengan lebih baik.

“Apabila (SEB) mendapat keuntungan, (mereka) membayar semula dana suntikan itu, puangkan (semula) RM1.1 bilion. Jadi, ini bukan suntikan dana tetapi dilaksanakan dalam bentuk pinjaman,” katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, dana RM1.1 bilion kepada SEB bukan satu bentuk ‘bailout’, sebaliknya bertujuan membantu vendor

yang terkesan akibat masalah kewangan syarikat tersebut.

Menurut Anwar, sebanyak 80 peratus daripada dana tersebut akan digunakan untuk membayar lebih 2,000 vendor yang telah melaksanakan kerja mereka tetapi masih belum menerima bayaran.

“Jika syarikat ini ditutup, tiada syarikat tempatan lain yang mampu mengendalikan operasi dalam industri minyak dan gas negara. Ini bermakna semua kerja di sektor ini terpaksa diserahkan kepada syarikat asing,” jelasnya.

Tambah beliau, keputusan ini bukan sesuatu yang mudah kerana kerajaan sentiasa berpegang kepada prinsip menolak sebarang usaha menyelamatkan syarikat yang bermasalah tanpa kawalan ketat.

“Kita mahu memastikan industri minyak dan gas negara terus berkembang tanpa bergantung sepenuhnya kepada syarikat asing,” katanya.

Sejarah, krisis berlarutan Sapura Energy

- Syarikat mula mencatatkan kerugian pada tahun kewangan berakhir Januari 2016 dan berlarutan setiap tahun sehingga kini, kecuali pada 2017.
- Permodalan Nasional Bhd. (PNB) melabur RM2.68 bilion dalam SEB sejak 2018, menjadikannya pemegang saham terbesar dengan pegangan 44.13 peratus.
- Pengarah eksekutif utama dari Kencana Tan Sri Mokhzani Mahathir dan Datuk Yeow Kheng Chew meninggalkan syarikat tersebut pada 4 Disember 2013, dan dilantik semula kepada pengarah bukan eksekutif. Pada Mac 2015, keduanya meletak jawatan daripada lembaga pengarah.
- Pada 2014, gaji bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif SEB, Tan Sri Shahril Shamsuddin melonjak daripada hanya RM5 juta pada 2013 kepada RM81.4 juta (dan meningkat lagi pada tahun-tahun berikutnya).
- Tahun itu juga menyaksikan Sapura Energy memulakan pengambilalihan utama dan melebarkan kunci kira-kiranya, sejurus sebelum harga minyak mentah jatuh.



- Hutang bersih berkurangan pada 2019, jatuh kepada RM8.89 bilion daripada RM14.7 bilion pada 2018 berikutan terbitan hak RM4 bilion dan penjualan 50 peratus SapuraOMV.
- Penggeraan bersih ketika itu ialah 64 peratus, tetapi ia tidak mencukupi untuk menangani isu tersebut, dan hutang bersih dan penggeraan mula meningkat semula.
- KWSP telah menjual pegangannya dalam SEB dan tidak lagi menjadi pemegang saham besar dalam syarikat itu pada Mei 2018, dua bulan sebelum Mesyuarat Agung Tahunan syarikat.
- Pada 2022, SEB berdepan kerugian bersih RM8.9 bilion dan sukar membayar hutang sekitar RM10 bilion. Ini menyebabkan syarikat mendapatkan perlindungan di

bawah Seksyen 366 dan 368 Akta Syarikat 2016, yang membolehkannya merancang penyusunan semula kewangan tanpa tekanan daripada pemiutang.

- Pada 2023, terdapat perbincangan mengenai bailout Sapura Energy oleh kerajaan bagi menyelamatkan syarikat dan menyelamatkan ribuan pekerjaan dan PNB turut mencari jalan untuk menyelamatkan syarikat daripada muflis.
- SEB menerima kelulusan daripada sekurang-kurangnya 75 peratus pemberi pinjaman untuk pelan penstrukturan semula hutang bernilai RM10.3 bilion (AS\$2.19 bilion) pada akhir 2023, menandakan langkah penting dalam usaha syarikat untuk menstabilkan kedudukan kewangannya.
- Sehingga Januari tahun ini, hutang bersih SEB ialah RM10 bilion berbanding ekuiti hanya RM254 juta.
- Harga saham SEB memuncak pada RM4.84 pada akhir Disember 2013 dan kini saham syarikat hanya bernilai lima sen sesaham.